
ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muslim Journal of
Social Science and Humanities

PEMBENTUKAN NOVEL NIEHAI HUA DALAM KONTEKS MASYRAKAT PADA AKHIR DINASTI QING

THE FORMATION OF NOVEL NIEHAI HUA IN THE CONTEXT OF SOCIETY AT THE LATE QING DYNASTY

Wong Soon Dee¹

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: louiswsd@hotmail.com

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/04>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pembentukan novel Niehai Hua dalam konteks masyarakat pada akhir Dinasti Qing. Teori lapangan Bourdieu telah diaplikasikan dalam kajian ini dan novel Niehai Hua diletakkan dalam suatu lapangan yang berunsurkan masyarakat akhir Dinasti Qing untuk membincang secara menyeluruh tentang pengaruhnya terhadap penulisan novel Niehai Hua. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman kehidupan dan latar masyarakat yang dialami oleh Zeng Pu telah mempengaruhi pemikirannya dalam penulisan dan pembentukan tema novel ini. Kandungan yang dihuraikan dalam novel Niehai Hua berkait rapat dengan realiti masyarakat, maka tema-tema novel ini telah merangkumi kritikan mengenai kemerosotan politik akhir Dinasti Qing, pendedahan tentang pencerobohan kuasa-kuasa imperialisme serta puji terhadap ideologi pembaharuan dan revolusi. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan pengaruh latar masyarakat akhir Dinasti Qing dan latar belakang kehidupan Zeng Pu terhadap penulisan Niehai Hua adalah penting untuk memahami pembentukan novel ini secara terperinci. Implikasi kajian ini dapat membantu kita untuk membuat penilaian semula tentang kedudukan novel akhir Dinasti Qing dalam kesusasteraan China.

Kata kunci: Niehai Hua, akhir Dinasti Qing, latar masyarakat, pembentukan novel

Abstract

This study was aimed to review the formation of the novel Niehai Hua in the context of the society during the late Qing Dynasty. Bourdieu's field theory has been applied in this study and the novel Niehai Hua was placed in a field that characterises the society of the late Qing Dynasty in order to discuss thoroughly its influence over the novel writing. The findings showed that the life and background of the society experienced by Zeng Pu has influenced his thinking in the writing and the creation of the themes of the novel. The content described in the novel Niehai Hua was closely related to the reality of society. Hence, the themes of this novel include criticism of political decline of the late Qing Dynasty, exposure of the aggression of imperialism power and the compliment towards the ideology of reformation and revolution. As a conclusion, the background of the society during the late Qing Dynasty and biobibliography of Zeng Pu have influenced the writing of Niehai Hua which are important for us to understand the formation of this novel. The implications of this study helps us to make a reassessment of the position of the late Qing Dynasty novel in Chinese literature.

Keywords: Niehai Hua, late Qing Dynasty, background of society, formation of novel

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 15th September 2018, revised 7th October 2018, accepted 25th October 2018

Pengenalan

Dalam sejarah perkembangan novel China, novel "Niehai Hua" (Kisah Bunga di Laut Berdosa) boleh diiktiraf sebagai sebuah karya yang cemerlang. Idea kandungan novel ini mempunyai nilai yang tidak dapat dinafikan di mana novel-novel lain tidak setandingnya.

Novel Niehai Hua telah menggunakan watak utama sebagai petunjuk novel, menerangkan 30 tahun sejarah kebelakangan Dinasti Qing dan mendedahkan peristiwa yang penting berdasarkan plot cerita yang menarik serta mempunyai tapak kandungan yang lebih besar (Ou, 2000)¹. Novel ini bukan sahaja mendedahkan kemerosotan masyarakat dan politik, malah juga menekankan perkembangan sejarah serta memaparkan realiti kehidupan masyarakat akhir Dinasti Qing kepada kita.

Justeru, kajian ini telah menerangkan pengaruh latar masyarakat dan latar belakang penulis terhadap penulisan kandungan novel serta membuktikan bahawa latar masyarakat akhir

Dinasti Qing dan latar masyarakat yang terkandung dalam novel Niehai Hua adalah saling berinteraksi. Dengan ini barulah kita dapat mendedahkan pembentukan novel ini dengan lebih terperinci.

Metodologi

Kajian ini menggunakan Teori Lapangan (Pierre Bourdieu). Teori lapangan merupakan konsep yang asas dan terpenting dalam ideologi Bourdieu. Bourdieu telah mendefinisikan konsep lapangan ini sebagai satu jaring (*Network*) atau struktur (*Configuration*) yang wujud secara objektif di pelbagai lokasi (Bourdieu & Wacquant, 1992)². Beliau menerangkan bahawa kita boleh membayangkan lapangan ini sebagai satu ruangan. Dalam ruangan ini, lapangan dapat berfungsi dan akibat daripadanya, apa-apa sasaran yang berkaitan dengan ruangan ini, tidak boleh hanya memberikan penjelasan terperinci melalui ciri-ciri dalaman sasaran (Bourdieu & Wacquant, 1992)². Beliau menekankan bahawa lapangan seperti satu struktur ruangan, kajian terhadap sasaran yang terkandung dalam lapangan tersebut perlu mempertimbangkan unsur lokasi dan peranannya dalam lapangan.

Dalam kajian ini, kerangka asas dalam teori lapangan Bourdieu telah dipilih untuk mengkaji hubungan antara sastera dengan lapangan kesusasteraan (*Literary Field*). Lapangan kesusasteraan ini menggabungkan pelbagai keperluan kehidupan sosial dan kita sebenarnya hendak menghuraikan bagaimakah pelbagai keperluan masyarakat ini dapat mempengaruhi dan mengawal pembentukan sastera dan menjadikannya sebagai satu perspektif. Ini penting supaya orang ramai percaya bahawa sastera bukan satu bentuk pengalaman, sebaliknya sastera merupakan satu pertukaran daripada kehidupan masyarakat (Yi, & Liew, 2013)³. Justeru, novel Niehai Hua telah diletakkan dalam satu lapangan yang berlatarkan masyarakat akhir Dinasti Qing dalam kajian ini supaya dapat menghuraikan pembentukan tema novel berdasarkan kerangka asas teori lapangan ini.

Hasil Kajian

Pengalaman Kehidupan Zeng Pu

Kehidupan awal Zeng Pu juga merupakan tempoh transisi di mana China menghadapi ketidakstabilan politik dalaman dan ancaman luar. Selain itu, pemikiran Barat baru disalur masuk ke China dan ini telah menjelaskan politik, ekonomi, budaya China yang tradisional.

Zeng Pu sedar negaranya tiada berkeupayaan dan jauh ketinggalan. Dia menerima perubahan keadaan negara dengan hati yang terbuka. Selain menerima budaya Barat yang positif, Zeng Pu juga berhasrat untuk mencari langkah penyelesaian yang dapat menyelamatkan negara dan rakyat. Dia pernah menjadi pegawai kerajaan, menjalankan perniagaan dan terlibat dalam

penulisan karya sastera. Zeng Pu sentiasa mengubah peranan dan pekerjaannya demi membangunkan negara yang sudah mengalami kemerosotan. Kemudian, dia terpengaruh dengan kesusasteraan Perancis dan teori revolusi novel yang diperkenalkan oleh Liang Qi-chao. Kesannya, Zeng Pu menyedari fungsi dan kedudukan khas novel dalam bidang kesusasteraan. Oleh itu, dia mula menterjemahkan karya-karya popular negara Barat. Dia mempelajari budaya Barat serta menyokong pembaharuan budaya China yang tradisional demi menyelamatkan negara dan rakyat. Selain itu, berdasarkan pengalaman kehidupan yang dialami oleh Zeng Pu, kami boleh membuat kesimpulan bahawa pemikiran dan bidang pekerjaannya sentiasa berubah berdasarkan perubahan latar belakang yang dialami. Zeng Pu telah mengaplikasikan pemikirannya yang berbeza ini dalam penulisan Niehai Hua. Beliau mendedahkan bahawa tujuannya menulis novel ialah:

Hanya untuk menyaksikan perubahan China daripada tradisional kepada moden dalam tempoh 30 tahun ini. Perubahan budaya dan politik merupakan fenomena yang mengejutkan dalam tempoh ini. (Wei, 1982)⁴.

Zeng Pu merupakan golongan yang mengalami zaman pemerintahan Tongzhi (1862-1874) sehingga berlakunya Perang China-Jepun dalam tempoh 30 tahun ini. Pengalaman kehidupan dan ilmu pengetahuan Zeng Pu membolehkannya menguasai kemahiran asas untuk mencatat perubahan sejarah ini. Sebagai golongan intelek yang mengalami perubahan budaya dan politik, pemikir Zeng Pu juga terpengaruh dengan trend sejarah tersebut. Ini mendorong Zeng Pu selalu mengubahkan langkah kehidupannya.

Secara keseluruhannya, pengalaman kehidupan yang dialami oleh Zeng Pu memberi idea kepadanya dalam penulisan Niehai Hua. Maksudnya, latar belakang Zeng Pu dan kandungan Niehai Hua adalah saling mempengaruhi dalam lapangan akhir Dinasti Qing. Pemikiran Zeng Pu semakin matang disebabkan oleh pengalaman kehidupan serta sejarah kemasyarakatan yang mengalami perubahan dan kemajuan. Ini membolehkannya mencatatkan peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku dalam kandungan novel. Zeng Pu lahir daripada keluarga yang tradisional, pemikirannya tetap merangkumi ajaran konfucius yang mendorongnya berkhidmat untuk negara. Namun itu, Zeng Pu mengalami kehidupan di mana China menghadapi ketidakstabilan politik dalam dan ancaman luar. Akibat daripada pencerobohan kuasa-kuasa Barat, keadaan di China semakin merosot. Justeru, Zeng Pu berusaha untuk mempelajari budaya Barat demi mencari kaedah yang dapat menyelamatkan negara. Ini juga membentuk pemikirannya yang semakin progresif.

Latar Belakang Akhir Dinasti Qing

Menurut teori lapangan, pembentukan karya sastera berkait rapat dengan situasi alam sekitar. Keadaan huru-hara dan dilema Dinasti Qing boleh dikatakan sebagai lapangan untuk pembentukan novel Niehai Hua. Kemerosotan politik dan kemunculan budaya Barat pada akhir

Dinasti Qing merupakan faktor-fakor yang mempengaruhi pemikiran penulis dalam pembentukan novel ini.

Kekalahan teruk dalam Perang Candu menyebabkan kuasa-kuasa Barat melancarkan pencerobohan terhadap China. Ini bukan sahaja memisahkan tanah jajahan China yang sempurna, malah juga merampas kuasa mutlak China. Mereka memaksa China membuka pelabuhan, memperoleh kuasa penetapan cukai, mendirikan bangunan konsulet di kawasan pelabuhan dan merampas kuasa mutlak konsul melalui perjanjian yang tidak adil. Akhirnya, China berubah daripada sebuah negara yang berdaulat kepada negara yang separuh kolonial. Keadaan ini berhubung rapat dengan kegagalan China dalam hubungan diplomatik. Kerajaan Qing mengamalkan dasar menyerah kalah dalam peristiwa-peristiwa diplomatik dengan negara asing. Ini memberi pengaruh yang besar kepada negara dan rakyat seperti mengalami kerugian dari segi kewangan, kekuasaan, maruah negara dan kepercayaan rakyat. Justeru, wujudnya golongan yang menggalakkan gerakan pembaharuan selepas itu. Pada masa itu, terdapat golongan pembesar seperti Zeng Guo-fan, Li Hong-zhang, Zuo Zong-tang dan Puteri Gong mempunyai kesedaran terhadap ancaman yang dihadapi. Mereka mendapati China jauh ketinggalan dalam aspek senjata dan teknologi berbanding dengan negara Barat. Justeru, mereka menyeru China perlu belajar dari Barat serta menggalakkan gerakan pembaratan demi mengukuhkan negara daripada ancaman luar. Latar belakang ini selaras dengan peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah berlaku dan semuanya dijadikan kandungan Niehai Hua yang penting.

Pada masa yang sama, kekalahan teruk dalam Perang China-Jepun menyebabkan konflik kumpulan pemerintahan tertinggi kerajaan Qing bertambah kronik. Maharani Dowager Cixi menikmati kehidupan yang mewah dan boros selepas Perang China-Jepun dan ketagihan untuk memonopoli kuasa pentadbiran. Maharani Dowager Cixi dan kumpulan pihak maharani telah mengawal kuasa mutlak pentadbiran demi melemahkan kuasa Maharaja Guangxu dan kumpulan pihak maharaja. Maharaja Guangxu berasa sedih dan marah kerana kekalahan teruk dalam Perang China-Jepun. Beliau bimbang kuasa negara semakin lemah, ancaman pencerobohan kuasa asing dan juga tidak tahan dengan tindakan Maharani Dowager Cixi yang campur tangan dalam semua pentadbiran negara. Beliau bergantung kepada gurunya iaitu Weng Tong-he dan kumpulan pihak maharaja untuk mengubah kedudukan sendiri serta berusaha mengukuhkan kekuatan diri demi mempertahankan negara daripada ancaman kuasa-kuasa asing. Konflik antara Maharaja Guangxu dengan Maharani Dowager Cixi serta kumpulan pihak maharaja dengan kumpulan pihak maharani semakin kronik.

Kekalahan teruk China dalam Perang China-Jepun juga menimbulkan kesedaran pembaharuan dalam kalangan masyarakat. Apabila golongan intelek sedar bahawa kerajaan mengalami kemerosotan, mereka mula mempelajari ilmu Barat supaya dapat mencari kaedah yang boleh meningkatkan kekuatan rakyat dan negara. Ini telah membentuk trend pemikiran masyarakat yang baru. Di bawah ancaman ketidakstabilan politik dalaman dan luaran serta pertembungan budaya China dan Barat, segelintir golongan intelek yang liberal dan patriotik

telah mencapai konsensus iaitu: ingin menyelamatkan negara, hanya melalui pembaharuan, ingin pembaharuan, hanya belajar dari Barat. Kang You-wei telah menyeru ideologi pembaharuan dan melancarkan Gerakan Pembaharuan 100 Hari bersama dengan muridnya iaitu Liang Qi-chao dan ahli pembaharuan yang lain. Gerakan pembaharuan bukan sahaja penting dalam perubahan politik, malah juga mempengaruhi pemikiran dan budaya dalam perkembangan sejarah China. Walaupun gerakan pembaharuan akhirnya mengalami kegagalan, namun gerakan ini telah memberi implikasi kepada pemulaan gerakan revolusi dan demokrasi di China.

Gerakan revolusi dan demokrasi dimulakan oleh Sun Yat-sen dan semakin berleluasa sejak tahun 1900. Selain berhubung rapat dengan pelajar China yang belajar di Jepun, Sun Yat-sen juga mengambil kesempatan untuk mengembangkan organisasi revolusi. Sun telah menyokong gerakan revolusi yang diusahakan oleh orang China di luar negara dan golongan intelek. Beliau menjalin hubungan rapat dengan mereka serta mempunyai prestij yang tinggi dalam kalangan mereka. Sejak kebangkitan gerakan revolusi di Guangzhou pada tahun 1895, ideologi revolusi tersebar luas di sekitar wilayah China dan akhirnya mencapai kejayaan pada tahun 1911.

Secara keseluruhannya, menurut teori lapangan yang diketengahkan oleh Bourdieu, sememangnya situasi kehidupan dan latar belakang sejarah telah membentuk lapangan kesusastraan seseorang penulis (Jiang, 2010)⁵. Jelasnya, lapangan ini telah banyak mempengaruhi habitus dan kapital Zeng Pu. Peristiwa-peristiwa penting tersebut di atas, sebenarnya telah menjadikan Zeng Pu berprijhatin terhadap dilema negara (aspek habitus) dan juga terbentuk sebagai kapital pemikirannya untuk menghasilkan novel Niehai Hua. Justeru, apabila kita meneliti kandungan novel Niehai Hua, didapati bahawa kandungan yang dihuraikan dalam novel ini berkait rapat dengan realiti masyarakat, maka tema-tema yang terkandung dalam novel ini telah merangkumi kritikan mengenai kemerosotan politik akhir Dinasti Qing, pendedahan tentang pencerobohan kuasa-kuasa imperialisme serta pujian terhadap ideologi pembaharuan dan revolusi.

Tema-tema Novel Niehai Hua

Idea dan pemikiran Zeng Pu dalam penulisan Niehai Hua adalah sangat jelas dan nyata. Dia ingin menggambarkan semula 30 tahun sejarah kebelakangan Dinasti Qing melalui novel ini. Dia telah mendedahkan segala kegelapan dan kemerosotan masyarakat feudal, mengutuk pencerobohan kuasa-kuasa imperialisme terhadap China, menuntut permintaan pembaharuan demi mengukuhkan kekuatan diri serta mempunyai kesedaran untuk menyelamatkan negara daripada mengalami kesusahan.

Zeng Pu telah mengkritik kemerosotan kerajaan Qing terutamanya kuasa autonomi Maharani Dowager Cixi yang menjadi pencetus utama bencana negara, Li Hong-zhang yang mengamalkan dasar menyerah kalah, pencerobohan kuasa-kuasa imperialisme melalui

ketenteraan dan penaklukan tanah yang semakin berleluasa. Pada masa yang sama, Zeng Pu juga memuji benda yang baru dan politik yang progresif dalam proses penerangan sejarah. Contohnya, dia memuji dan mengamalkan sikap positif terhadap gerakan pembaharuan, gerakan revolusi dan demokrasi serta membayangkan kemenangan akhirnya dimiliki oleh revolusi dan demokrasi. Oleh itu, Niehai Hua bukan sahaja memberi gambaran sebenar terhadap kehidupan sejarah untuk menunjukkan wajah sebenar zaman malah juga mempunyai kecenderungan yang berunsur patriotik dan demokrasi.

Berdasarkan penerangan yang dibuat dalam kandungan novel ini, kita mendapati bahawa pendedahannya terhadap sistem pemerintahan feudal adalah sangat jelas, khasnya terhadap kumpulan pemerintahan yang diketuai oleh Maharani Dowager Cixi. Novel ini menceritakan bahawa Maharani Dowager Cixi ialah seorang diktator demi mendedahkan kelemahan sistem pemerintahan feudal. Sepanjang 40 lebih tahun Maharani Dowager Cixi menguasai pentadbiran negara, beliau telah menyekat kebangkitan rakyat dan tunduk kepada kuasa-kuasa imperialisme. Beliau lemah dalam bidang politik, mengamalkan kehidupan yang menggiurkan serta mempunyai pemikiran yang kolot dan tradisional. Novel Niehai Hua telah membuat kritikan terhadap Maharani Dowager Cixi yang mengamalkan pemerintahan autokrasi.

Kandungan Bab 26 dalam novel telah menerangkan bahawa walaupun Maharani Dowager Cixi telah membuat pengumuman untuk mengembalikan kuasa pemerintahan, beliau sebenarnya masih ingin mengawal kuasa pentadbiran Qing. Wu (2008)⁶ dan Wang (1981)⁷ menceritakan bahawa Maharani Dowager Cixi bersikap autokratik dalam perkahwinan Maharaja Guangxu kerana sengaja menjodohkan anak perempuan adik beliau dengan Maharaja Guangxu. Penulis telah mendedahkan tindakan tersebut dalam novel ini:

Makna penjodohan ini adalah untuk merapatkan hubungan antara satu sama lain, iaitu mencampurkan keturunan keluarga Nala dengan keturunan Aisin Gioro selama-lamanya, ini merupakan tujuan Maharani Dowager Cixi. (Bab 26, p. 198).

Ini membuktikan bahawa Maharani Dowager Cixi ingin mengawal Maharaja Guangxu melalui penjodohan dan mengukuhkan pemerintahan beliau terhadap kerajaan Qing berdasarkan cara perkahwinan. Beliau berhasrat keluarganya dapat menguasai kerajaan dan memiliki kuasa tertinggi melalui campuran keturunan.

Selain mendedahkan tindakan yang autokratik, Zeng Pu turut menerangkan tindakan Maharani Dowager Cixi yang mementingkan diri sendiri. Beliau telah mengutamakan keseronokan peribadi dan mengabaikan keselamatan negara dan rakyat. Berdasarkan catatan yang terkandung dalam buku yang bertajuk Chronicle Zeng Pu, semasa Maharaja Guangxu berumur 23 tahun, Perang China-Jepun berlaku, ancaman pencerobohan kuasa-kuasa asing semakin serius, tetapi Maharani Dowager Cixi tetap mengutamakan sambutan hari jadi beliau ke-60 di istana. Zeng Pu telah menyindir perbuatan beliau dalam kandungan Bab 25:

Sejak mengalami kekalahan dalam Pertempuran Jiuliancheng, tentera Jepun berjaya mencerobohi tanah jajahan China seperti Fenghuang, Xiuyan, Haicheng, Lüshun, Weihaiwei dan berita ini menggemparkan mereka yang berada di istana. Maharani Dowager Cixi menunjukkan muka masam dan terpaksa menghentikan sambutan hari jadi. (Bab 25, p. 190).

Pada masa itu, China mengalami kekalahan yang berterusan dalam Perang China-Jepun dan kebetulan masa itu juga merupakan hari jadi beliau yang ke-60. Dalam situasi yang begitu membimbangkan, Maharani Dowager Cixi tetap membuat persediaan untuk memeriahkan hari jadi beliau di Taman Yihe. Beliau telah mengarahkan supaya mendirikan khemah hiasan dari istana hingga ke Taman Yihe dan membina pentas untuk persembahan drama. Apabila tentera laut yang diketuai oleh Li Hong-zhang mengalami kekalahan berterusan, Maharani Dowager Cixi baru mengawal perbuatannya dalam aktiviti sambutan hari jadi.

Demi membaiki Taman Yihe, Maharani Dowager Cixi banyak menggunakan bajet kewangan tentera laut dan tindakan beliau ini telah mempengaruhi keputusan Perang China-Jepun (Wang, 1979)⁸. Zeng Pu telah menegur tindakan Maharani Dowager Cixi dalam kandungan Bab 18 melalui perwatakan Kuang Ci-fang:

.....latihan tentera yang paling penting ialah latihan tentera laut.tapi, hari ini terdengar bahawa peruntukan yang diberi kepada bahagian tentera laut sering diambil alih untuk kegunaan lain. Ini berkaitan dengan nasib negara, mana boleh bergurau? (Bab 18, p. 130).

Apabila membangkitkan isu kekalahan Perang China-Jepun dalam kandungan Bab 27, penulis menghuraikan salah satu sebab kekalahan China ialah bajet kewangan tentera laut telah diambil alih untuk kegunaan lain melalui perwatakan Ma Mei-shu (Ma Jian-zhong). “Kegunaan lain” ini merujuk kepada pembaikian Taman Yihe. Pada masa itu, Li Hong-zhang yang mengendalikan tentera laut tidak berani menyingsung perasaan Maharani Dowager Cixi. Dia telah mengalihkan bajet kewangan tentera laut untuk kegunaan pembaikian Taman Yihe (Jiang, 2013)⁹.

Kandungan novel Niehai Hua termasuk juga mengkritik kumpulan pemerintahan feudal yang diketuai oleh Maharani Dowager Cixi kerana mereka mengalah dengan mudah di bawah kuasa-kuasa imperialisme. Contohnya, semasa menerangkan Perang China-Perancis dalam kandungan Bab 6, penulis mengkritik Li Hong-zhang yang mengamalkan dasar menyerah kalah:

.....sayang sekali kerana Wei Yi-bo hanya pandai berdamai, tidak pandai menggunakan peluang kemenangan untuk menuntut balik hak-hak yang hilang semasa menandatangani perjanjian sebelumnya (merujuk kepada Perjanjian Tientsin). (Bab 6, p. 35).

Dalam Perang China-Perancis, China sepatutnya boleh menewaskan Perancis. Walaupun tentera China berani menentang pihak lawan mereka di medan peperangan, namun Wei Yi-bo (Li Hong-zhang) pula bersetuju menandatangani perjanjian yang menghina negara semasa China mempunyai peluang untuk memenangi peperangan tersebut. Dia hanya pandai berdamai dengan pihak penceroboh dan tidak tahu mengambil kesempatan untuk mengambil balik hak-hak yang hilang sebelumnya.

Novel ini turut mendedahkan dasar menyerah kalah yang diamalkan oleh Li Hong-zhang dalam Perang China-Jepun (Wang, 1981)⁷. Apabila Maharaja Guangxu mengarahkan Li Hong-zhang mendirikan benteng pertahanan di Pyongyang, dia pula menaruh harapan besar kepada Rusia, British, Amerika, Perancis dan Jerman supaya mereka dapat menghalang Jepun daripada membuat serangan (Bab 24, p. 181). Li Hong-zhang asyik mengelakkan diri daripada berperang dan tidak membernarkan tenteranya membuat serangan selepas benteng pertahanan dibina. Kesannya, apabila Jepun membuat serangan mengejut, China terjerumus ke dalam keadaan pasif semasa berperang.

Kritikan terhadap sistem pemerintahan yang feudal merupakan unsur yang penting dalam pembentukan tema Niehai Hua. Zeng Pu pernah mengalami kehidupan daripada tradisional kepada moden pada akhir Dinasti Qing hingga Republik China. Dia mempunyai kesedaran terhadap kegagalan kerajaan China dalam bidang politik dan hubungan diplomatik. Oleh itu, Zeng Pu membantah kumpulan pemerintah feudal dan mendedahkan kesalahan mereka dalam bidang politik melalui novel ini.

Zeng Pu juga mededahkan tindakan kuasa-kuasa imperialism yang merampas tanah jajahan China dalam novel Niehai Hua. Semasa menulis Perang China-Perancis dan Perang China-Jepun, dia beranggapan bahawa pencerobohan kuasa-kuasa imperialism terhadap China dan kawasan di sekitar China merupakan satu tindakan yang sengaja (Liu, 2009)¹⁰. Contohnya dalam kandungan Bab 6, penulis mendedahkan punca Perang China-Perancis melalui Lagu Huage untuk menceritakan muslihat pencerobohan Perancis:

Perancis mendesak Vietnam melalui perdagangan, lepas mendapat Bandar Sai Kung mahu lagi menyeberangi Sungai Merah. (Bab 6, p. 37).

Liu Yong-fu mempertahankan Gunung Baosheng selama beberapa tahun, melindungi Vietnam dan mengukuhkan sempadan China! Ini menimbulkan perasaan benci orang Perancis, oleh itu mereka memulakan peperangan kali ini. (Bab 6, p. 38).

Zeng Pu mendedahkan pencerobohan Perancis terhadap Vietnam terutamanya muslihat Perancis yang hendak memasuki kawasan Yunnan dan Guizhou dalam novel Niehai Hua. Ini bukan sahaja

dapat menganalisis sebab-sebab Perancis memulakan perperangan, malah juga membantu kita memahami muslihat sebenar negara-negara imperialisme.

Semasa menggambarkan Perang China-Jepun, penulis mendedahkan muslihat Jepun secara terperinci dalam Niehai Hua dan menerangkan sebab-sebab berlakunya Perang China-Jepun melalui perwatakan Wen Yun-gao dalam kandungan Bab 24:

Jepun melepaskan geram mereka berdasarkan alasan seperti politik dalaman Korea yang huru-hara dan China menghantar tentera. Jepun seperti harimau lapar yang menantikan pertempuran dan bersikap sompong.....kalau hanya bergantung negara-negara lain untuk menghalang tindakan mereka, tidak mungkin mereka sanggup akur! (Bab 24, p. 182).

Ini merupakan muslihat Jepun untuk mengawal kuasa pemerintahan di Korea. Penulis telah membongkarkan penipuan Jepun yang menyatakan bahawa mereka terpaksa berperang dan mendedahkan Jepun sengaja melancarkan pencerobohan terhadap Korea dan China untuk menimbulkan Perang China-Jepun dalam novel ini.

Perancis dan Jepun menggunakan kaedah pencerobohan untuk merampas tanah jajahan China serta mengugut China membayar ganti rugi. Manakala Rusia yang berada di utara China pula merampas tanah jajahan China melalui kaedah menakluk tanah China di sempadan China-Rusia, membunuh rakyat China secara zalim dan mendesak China menandatangani perjanjian yang tidak adil (Wang, 1990)¹¹. Zeng Pu telah menceritakan kenyataan di mana Rusia mencerobohi kawasan Ili dan menduduki tanah Jilin dan Hunchun melalui perwatakan Jin Wen-qing:

Kalau bukannya tuntutan daripada Zeng Ji-zhan, tanah jajahan tersebut mesti diberi kepada Rusia tanpa disedari!sempadan di kawasan simpang tersebut amat mengelirukan mengikut catatan di China. Rusia mempunyai niat untuk merampas, tidak tahu betapa banyaknya tanah jajahan China sudah dirampas secara sembunyi. (Bab 8, p. 54).

Rusia berjanji akan memulangkan kawasan Ili kepada China sebaik sahaja China menyekat pemberontakan di Shanxi. Namun itu, Rusia mungkir janji dan ingin memaksa China menandatangani perjanjian yang tidak adil. Akhirnya, Zeng Ji-zhe berjaya menuntut balik kawasan Ili yang dijajah oleh Rusia melalui kaedah diplomatik yang berkesan. Novel ini telah mendedahkan niat Rusia yang ingin merampas tanah jajahan China melalui muslihat pencerobohan.

Sebagaimana yang disebut di atas, “lapangan” yang penulis berada telah mempengaruhi karya yang diciptanya. Dalam zaman sejarah tersebut, Zeng Pu telah menyaksikan pencerobohan kuasa-kuasa imperialisme terhadap China dan ini menyebabkan tanah jajahan China dirampas,

rakyat China hidup sengsara. Justeru, mendedahkan sifat pencerobohan kuasa-kuasa imperialisme secara langsungnya menjadi kandungan yang penting dalam pembentukan tema novel ini.

Sejak awal pemerintahan Tongzhi hingga akhir pemerintahan Guangxu yang melebihi 30 tahun itu, pemikiran dan politik dalam kalangan masyarakat mengalami perubahan yang besar. Pada awalnya, wujudnya gerakan pembaratan, seterusnya ideologi pembaharuan awal muncul pada tahun 1870, gerakan pembaharuan berkembang pesat selepas Perang China-Jepun dan akhirnya wujud pula perkembangan ideologi revolusi. Zeng Pu memahami bahawa keadaan ini merupakan perubahan besar daripada tradisional kepada moden. Dia setuju dengan perubahan ini serta membuat penulisan terhadap gerakan pembaharuan dan revolusi yang berlaku di realiti kehidupan dalam novel ini. Jika kritikan dan pendedahan merupakan pemikiran yang membantah sistem pemerintahan feudal dan pencerobohan kuasa-kuasa imperialisme dalam novel Niehai Hua, maka semangat patriotik yang terkandung dalam novel ini pula menunjukkan bahawa penulis menyokong serta memuji ideologi pembaharuan dan demokrasi.

Apabila Zeng Pu menceritakan ahli pembaharuan, dia telah membentuk perwatakan mereka yang taat setia dan berani (Sun, 2003)¹². Contohnya Wang Zhi-du (Huang Zun-xian) ialah seorang yang kelihatan kacak, bersemangat seperti lelaki sejati, berkemampuan untuk menyelamatkan keadaan masyarakat yang huru-hara, dan menerima ilmu berasaskan pendidikan (Bab 18). Dai Sheng-fo (Tang Si-tong) ialah seorang yang mempunyai wajah tampan, tingkah lakunya bergaya dan berterus-terang, bersemangat kuat dan matanya terang seperti obor (Bab 22). Zeng Pu juga menekankan bahawa Dai Sheng-fo seorang yang murah hati, ikhlas, memiliki semangat patriotik dan aktif dalam pembaharuan politik (Bab 34). Lin Xun (Lin Xu) ialah seorang yang kelihatan tampan dan penuh dengan kepintaran (Bab 20). Tang Chang-su (Kang You-wei) pula mempunyai penglihatan yang jelas dan menunjukkan semangat yang perkasa, bukan sahaja seorang cendekiawan yang menerima ajaran Konfusius, malah juga seorang ahli politik yang bijaksana dan memiliki sikap fleksibel semasa mengambil tindakan (Bab 34). Novel Niehai Hua telah membentuk imej positif terhadap mereka. Ini membolehkan kita melahirkan tanggapan yang baik terhadap perwatakan mereka dalam novel serta menimbulkan perasaan simpati pembaca terhadap perbuatan dan pengalaman mereka.

Watak pertama yang mempunyai ideologi pembaharuan dalam Niehai Hua ialah Feng Gui-feng. Penulis telah menerangkan ideologi dalam kandungan Bab 2:

Sekarang merupakan zaman di mana semua negara saling berhubung melalui pengangkutan, kajian puisi dan prosa pada zaman dulu sudah tidak boleh diguna pakai lagi.Kalau nak belajar sekarang, saya rasa belajar bahasa negara asing adalah paling bagus, memahami sebab-sebab negara mereka maju, segala ilmu yang berkaitan dengan bunyi, cahaya, kimia dan elektrik serta pembinaan kapal laut, senjata dan meriam, semuanya perlu dikuasai, barulah ia dianggap ekonomi. (Bab 2, p. 12).

Zeng Pu memuji Feng merupakan seorang yang mempunyai pandangan luas, pemikiran inovatif dan mengambil berat terhadap pembaharuan masyarakat dalam novel Niehai Hua. Ini menunjukkan bahawa Zeng Pu sebenarnya menyokong kepada ideologi pembaharuan kerana perwatakan Feng dalam novel ini mirip dengan perwatakan beliau dalam realiti kehidupan iaitu memiliki pemikiran progresif yang membantah tradisional.

Sejak Feng mencadangkan pembelajaran bahasa asing, penguasaan budaya dan ilmu sains yang dapat mendorong kepada kemajuan negara Barat, wujudnya segelintir ahli pembaharuan dalam novel. Ini termasuklah Xu xue-cen (Xu Shou) yang berilmu dan mengkaji ilmu gabungan China dan Barat. Xu Zhong-hua (Xu Zhong-hu) tidak mengkaji ilmu yang diguna pakai dalam peperiksaan tradisional, sebaliknya dia menceritakan ilmu Barat setiap hari. Yun Ren-fu mempunyai pemikiran terbuka dan pertuturan yang berhemah tinggi. Li Tai-xia (Li Feng-bao) mempelajari ilmu China dan Barat. Xue Shu-yun (Xue Fu-cheng) seorang yang berbakat dan memahami keadaan sebenar dunia ini. Mereka berkumpul di Kedai Makan Yi Pin Xiang untuk menceritakan politik negara Barat (Bab 3).

Apabila menceritakan Perjumpaan Tanying dalam kandungan Bab 18, Zeng Pu telah mendedahkan tujuannya iaitu berusaha menentang pencerobohan kuasa asing melalui perwatakan Xue Shu-yun. Ini penting supaya mereka dapat menerokai langkah-langkah untuk membangunkan negara serta mengemukakan pendapat pembaharuan dalam bidang politik, ekonomi, budaya dan pendidikan selepas menerima pengaruh Barat. Antara pendapat yang dinyatakan dalam novel ini sebenarnya melambangkan pemikiran progresif Zeng Pu dalam usaha untuk menyokong gerakan pembaharuan. Hal ini kerana Zeng Pu terpengaruh dengan gerakan pembaharuan dalam realiti kehidupan. Oleh itu, dia bukan sahaja bersimpati terhadap gerakan pembaharuan, memuji ideologi pembaharuan, malah juga aktif dalam gerakan pembaharuan.

Kandungan yang mendedahkan ideologi revolusi tidak banyak dalam novel Niehai Hua tetapi ahli revolusi yang diceritakan olehnya dengan penuh perasaan pujian dan mempunyai kedudukan yang penting dalam novel ini (Wang, 1990)¹¹. Liao (1997)¹³ berpendapat bahawa novel Niehai Hua bukan sahaja menyokong ideologi revolusi yang diketuai oleh Sun Yat-sen, malah juga menaruh harapan besar terhadap ahli-ahli revolusi yang dipimpin oleh beliau.

Zeng Pu telah memuji semua ahli revolusi dan menyatakan bahawa mereka merupakan golongan yang bersemangat dalam gerakan revolusi dalam kandungan Bab 29. Mereka memiliki ideologi yang menggulingkan sistem pemerintahan Qing untuk membentuk kerajaan republik serta sanggup berkorban demi perjuangan revolusi. Contohnya: Walaupun Chen Qian-qiu (Chen Qing) melarikan diri ke Jepun selepas gagal mengangkat senjata, dia tetap merancang aktiviti revolusi setiap hari bersama dengan ahli revolusi Jepun. Apabila Shi Jian-ru terdengar “*Society of Brothers*” dan “*Triad*” akan bergabung, dia bercadang untuk melancarkan pemberontakan. Shi Jian-ru bersemangat tinggi dan menyeru bahawa dia sudi melontarkan sebiji mercun ke kepala Gabenor Guangdong. “Apabila terdengarnya bunyi mercun, orang lain di sekelilingnya menyokong. Rakyat negara kita mengibarkan bendera di pentas” (Bab 29, p. 231). Yang Yun-qu

(Yang Qu-yun) tidak takut walaupun terdedah kepada ancaman yang berbahaya semasa mencari Chen Qian-qiu. Dia menekankan bahawa dunia ini tiada ahli revolusi yang takut kepada kematian!

Zeng Pu turut memuji ideologi ahli revolusi dalam novel Niehai Hua khasnya terhadap aktiviti Persatuan Pemuda dan penubuhan Persatuan Memulihkan Negara China. Penulis telah menceritakan aktiviti revolusi melalui pengenalan Persatuan Pemuda dan memberi penilaian yang tinggi terhadap persatuan tersebut dalam kandungan Bab 29:

Pengaruh arus demokrasi di kawasan Guangdong paling besar. Oleh itu, ahli-ahli lain dalam Triad telah menu buhkan Persatuan Pemuda yang sementara serta menyampaikan objektif persatuan mereka iaitu menyebarkan ideologi republikanisme. Kekuatannya tidak standing dengan “*Young Itali*” (Persatuan Pemuda Itali) yang ditubuhkan oleh Mazzini dan Parti Komunis Rusia yang ditubuhkan oleh Kerensky, tetapi kalau dibanding dengan Persatuan Ji, Persatuan Fu yang ditubuhkan pada dinasti Ming, serta Persatuan Pendidikan Shanghai, ia memang handal! (Bab 29, p. 223).

Di samping itu, penulis menceritakan bahawa pemimpin parti revolusi iaitu Sun Yat-sen merupakan seorang yang kacak, handal dalam perbahasan dan juga merupakan seorang tokoh yang hebat dan bersemangat. Penulis menerangkan kelebihannya dalam kandungan Bab 29:

Seorang yang berbakat dan handal, tidak sampai beberapa tahun, sudah mahir Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan pandai dalam perubatan. Matlamatnya ialah menyebarkan ajaran kasih sayang dan kesaksamaan yang terkandung dalam agama Kristian. Sejak tinggal di Hong Kong, dia bergaul dengan masyarakat Barat, memahami kepentingan kebebasan serta terpengaruh dengan nasionalisme dan demokrasi negara Barat. (Bab 29, p. 226).

Novel Niehai Hua telah membentuk imej positif terhadap Sun Yat-sen. Ini membolehkan kita melahirkan tanggapan yang baik terhadap Sun Yat-sen berdasarkan perwatakannya dalam novel ini. Zeng Pu memuji dan menceritakan perwatakannya Sun Yat-sen dalam novel ini supaya kita dapat memahami gerakan revolusi yang dilancarkan oleh Sun Yat-sen dan seterusnya menyokong ideologi revolusi dan demokrasi. Ini melambangkan pemikirannya yang menyokong ideologi revolusi serta mengejar semangat demokrasi.

Pada masa itu, arus revolusi dan demokrasi mencapai kemuncaknya, kumpulan revolusi telah menggulingkan pemerintahan Dinasti Qing yang feudal dan pembentukan kerajaan Republik juga mendapat sokongan daripada rakyat. Dengan itu, ideologi revolusi dan demokrasi telah mempengaruhi pemikiran Zeng Pu dan ini menyebabkan pemikirannya berubah daripada pembaharuan kepada revolusi demokrasi.

KESIMPULAN

Berdasarkanuraian di atas, hubungan antara penulisan Niehai Hua dengan lapangan atau latar masyarakat akhir Dinasti Qing adalah saling berpengaruh. Kemerosotan politik pada akhir Dinasti Qing dan kemunculan budaya dan ideologi Barat telah membentuk satu lapangan penulisan atau latar masyarakat yang mempengaruhi Zeng Pu dalam penulisan dan pembentukan tema novel Niehai Hua. Justeru, kandungan Niehai Hua termasuklah mengkritik sistem pemerintahan feudal, membantah pencerobohan imperialisme, menggalakkan gerakan pembaharuan dan akhirnya memuji ideologi revolusi dan demokrasi. Ini menunjukkan pemikiran Zeng Pu yang progresif.

Di samping itu, novel Niehai Hua merupakan karya yang diterbitkan sebelum berlakunya Revolusi 1911. Zeng Pu pada masa itu dapat mendedahkan pemerintahan kerajaan Qing yang feudal secara mendalam, mengkritik pencerobohan kuasa-kuasa imperialisme, bersimpati dengan gerakan pembaharuan yang disekat oleh Maharani Dowager Cixi serta memuji revolusi dan demokrasi yang masih belum berjaya. Ini merupakan sesuatu pencapaian yang mengagumkan.

RUJUKAN

1. Ou, Y. J. (2000). *Zeng Pu yu Niehai Hua*. Liaoyang: Liaoning Jiaoyu Chubanshe.
2. Bourdieu, P. & Wacquant, L. D. (1992). *An Invitation to Reflexive Sociology* (Li, M. & Li, K. Trans.). Beijing: Zhongyang bianyiju Chubanshe.
3. Yi, C. L. & Liew, F.J. (2013). Budier Wenzhe Shehuixue de Ziwo Xindu: Qiantan Wenzhe Shehuixue de Xueke Texing. *Journal of Xueshu Yuekan*, 2, 115-122.
4. Wei, S. C. (1982). *Niehai Hua Ziliao*. Shanghai: Shanghai Guji Chubanshe.
5. Jiang, C. (2010). Budier Wenzuechang Lilun Xingcheng de Sixiang Yuanyuan. *Journal of Jiangnan University (Humanities & Social Sciences)*, 9, 95-98.
6. Wu, J. H. (2008). Niehai Hua Zhong Wanqing Zhengfu Fubai Wuneng zhi Neiyin Qianxi. *Journal of Shanxi Agriculture University (Social Science Edition)*, (7)3, 248-251.
7. Wang, Z. X. (1981). Ping Niehai Hua de Zhudao Qingxiang. *Journal of Anhui University (Philosophy and Social Sciences)*, 1, 101-108.
8. Wang, Y. S. (1979). *Liushi Nian lai Zhongguo yu Riben*. Beijing: Sanlian Shudian.
9. Jiang, T. F. (2013). *Zhongguo Jindaishi*. Beijing: Shangwu Yinshuguan.
10. Liu, Y. (2009). *Niehai Hua Jiazhi Xinlun*. Master Dissertation. Liaoning Normal University.
11. Wang, Z. X. (1990). *Niehai Hua Lungao*. Hefei: Huangshan Shushe.
12. Sun, R. W. (2003). *Niehai Hua Yanjiu*. Master Dissertation. National Normal Taiwan University.
13. Liao, Z. (1997). Cong Lishi Beijing Kan Niehai Hua de Sixiang Qingxiang. *Journal of Guangdong Institute of Education*, 4, 39-42.

Citation in Malay

Wong Soon Dee. (2019). Pembentukan novel Niehai Hua dalam konteks masyarakat pada akhir Dinasti Qing. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(1), 33-47.
<https://doi.org/10.33306/mjssh/04>

Citation in English

Wong Soon Dee. (2019). The formation of novel Niehai Hua in the context of society at the late Qing Dynasty. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(1), 33-47.
<https://doi.org/10.33306/mjssh/04>